

PELAN STRATEGIK 2020-2022

**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA & PELANCONGAN**

PRAKATA

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmatNya jua Pelan Strategik 5 tahun (2016-2020) telah direbiu untuk tiga (3) tahun seterusnya (2020-2022). Pelan strategik ini adalah sebagai panduan dan rujukan bagi melaksanakan langkah-langkah strategik Jabatan dalam merealisasikan sumbangan industri perhutanan berteraskan kepada amalan pengurusan hutan lestari.

Visi, misi, matlamat-matlamat strategik dan sasaran Jabatan Perhutanan yang terkandung dalam Pelan Strategik Jabatan Perhutanan ini adalah selaras dengan hala tuju baru Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang memberikan penekanan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang berteraskan kepada empat teras utama iaitu pertumbuhan keluaran, produktiviti, berorientasikan eksport dan berdayatahan. Sumbangan daripada industri perhutanan ini dihasratkan akan dapat menyumbang kepada pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035.

Dalam Pelan Strategik Jabatan Perhutanan ini, terdapat enam (6) tema strategik utama yang dikenalpasti dan perlu dicapai oleh industri perhutanan seperti berikut:-

1. Peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK);
2. Peningkatan Kutipan Hasil Kerajaan bagi pembangunan Negara;
3. Membukakan peluang-peluang pekerjaan terutamanya untuk rakyat tempatan;
4. Membangunkan Industri *Non-Timber Forest Product (NTFP)*;
5. Peningkatan daya saing pengeluaran produk-produk berorientasikan eksport; dan
6. Penggunaan mesin dan teknik moden ke arah meningkatkan produktiviti.

Kejayaan penyediaan Pelan Strategik Jabatan Perhutanan ini adalah hasil usaha gigih dan penglibatan dedikasi semua pegawai. Pelan Strategik ini merupakan *living document* yang akan direbiu dari masa ke semasa dalam tempoh perlaksanaan. Di kesempatan ini, saya tidak lupa merakamkan penghargaan dan tahniah atas bantuan yang dihulurkan dalam penyediaan Pelan Strategik ini dan diharap semua pegawai dan kakitangan serta pihak berkepentingan dalam industri perhutanan akan dapat memberikan komitmen yang gigih bagi memastikan Pelan Strategik ini menjadi kenyataan.

Sekian, Wassalam.

NORALINDA BINTI HAJI IBRAHIM

Pemangku Pengarah Perhutanan

Negara Brunei Darulssalam

KANDUNGAN

- **PENGENALAN**
- **VISI & MISI**
- **NILAI-NILAI UTAMA**
- **MATLAMAT-MATLAMAT STRATEGIK**
- **STATUS MASA KINI**
- **SASARAN DAN HALATUJU 2020-2022**
- **STRUKTUR ORGANISASI JABATAN PERHUTANAN**

PENGENALAN

Jabatan Perhutanan komited untuk meningkatkan keluaran industri perhutanan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara, disamping memelihara dan melindungi sumber hutan Negara secara berterusan melalui pengurusan hutan lestari (*sustainable forest management*) bagi mengimbangi kepentingan sosial dan alam sekitar demi kesejahteraan rakyat dan Negara.

VISI

Ke arah pertumbuhan keluaran industri perhutanan yang berdayatahan melalui peningkatan produktiviti, berorientasikan eksport dan berteraskan amalan pengurusan hutan lestari.

MISI

Mempercepatkan pertumbuhan keluaran industri perhutanan berasaskan teknologi tinggi dan berorientasikan eksport, dengan menggalakkan penyertaan pelaburan tempatan dan langsung asing serta memfokuskan kepada peningkatan produktiviti dan penghasilan produk bernilai tinggi dengan juga menitikberatkan keseimbangan alam sekitar dan keperluan sosial.

NILAI-NILAI UTAMA


- **PROGRESIF:** Memacu pertumbuhan keluaran industri perhutanan secara berterusan melalui peningkatan produktiviti dan penghasilan produk bernilai tinggi sehingga menembusi pasaran eksport.
- **OBJEKTIF:** Mempunyai sasaran dan jangka masa pelaksanaan yang segera, didokongi dengan inisiatif yang strategik dan terarah.
- **CEKAP & MAHIR:** Sebarang cadangan adalah berasaskan fakta yang betul dan dengan penggunaan Info-Teknologi (IT) yang meluas.
- **ADIL & TELUS:** Mengutamakan industri dan pengusaha yang progresif dan produktif melalui kaedah penilaian yang sistematik dan telus.
- **PEMEDULIAN:** Memeduli keperluan dan kehendak pengusaha-pengusaha industri perhutanan dengan memberikan nasihat dan tunjuk ajar yang bersesuaian.

MATLAMAT-MATLAMAT STRATEGIK

- Untuk meningkatkan keluaran daripada industri perhutanan bagi menyumbang kepada pertumbuhan KDNK, mempelbagaikan ekonomi & pertumbuhan eksport;
- Untuk meningkatkan produktiviti keluaran industri primer dengan menggunakan teknologi moden dan juga amalan-amalan terbaik disamping memastikan kelestarian alam sekitar dan sumber industri kayu kayan yang berkekalan;
- Untuk menggalakkan penglibatan dan usahasama pelaburan tempatan dan pelaburan langsung asing (FDI), dalam memperkembangkan industri hiliran dan nilai tambah yang berasaskan kayu dan bukan berasaskan kayu bagi mempercepatkan pertumbuhan keluaran daripada industri perhutanan; dan
- Untuk mengekalkan keunggulan hutan Negara Brunei Darussalam bagi pemuliharaan alam sekitar dan biodiversiti supaya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi berasaskan sumber alam semulajadi.

STATUS MASA KINI


SUMBANGAN INDUSTRI PERHUTANAN KEPADA KDNK



Nota:


Sumber: *Gross Domestic Product Fourth Quarter 2019*, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE)

TREN PENGELUARAN SEKTOR PERHUTANAN 2015 – 2019




Sumber: Unit Statistik, Jabatan Perhutanan

KELUARAN INDUSTRI PEMROSESAN PRIMER 2015-2019



- Pada masa ini terdapat 20 buah syarikat yang mengendalikan aktiviti perkilangan papan, 16 buah daripadanya juga menjalankan operasi pembalakan.
- Pengeluaran balak dari kawasan konsesi pembalakan dihadkan hanya kepada 100,000 meter padu setahun.
- Sumber balak tempatan yang lain diperolehi daripada pembukaan kawasan hutan bagi tujuan projek-projek pembangunan seperti projek Pertanian dan Perikanan.


KELUARAN INDUSTRI HILIRAN & NILAI TAMBAH BERASASKAN KAYU, 2015-2019



- Sejak 2017, jumlah syarikat hiliran telah bertambah dari 5 kepada 15 buah. Dari 15 buah syarikat ini, sebanyak 9 buah adalah terdiri daripada syarikat kilang papan yang telah menghasilkan produk-produk hiliran.
- Produk-produk Hiliran yang dihasilkan ialah komponen kayu (pintu, bingkai pintu & jendela, perabot, kayu kumai (moulding), dan lain-lain)
- Produk nilai tambah yang lain adalah Briket Arang yang mula dihasilkan pada tahun 2014.

SASARAN DAN HALATUJU 2020-2022

SASARAN DAN TRAJEKTORI NILAI KELUARAN SEKTOR PERHUTANAN, 2020-2022



Base line: year 2019

NOTA:

- Peningkatan nilai keluaran adalah disasarkan sebanyak i) **2.0%** bagi Industri Pemprosesan Primer dan ii) **1.4%** bagi Industri Hiliran dan Nilai Tambah, pada tahun **2020**:

i) Industri Pemprosesan Primer:

- Meneruskan pemberian kuota pembalakan kepada syarikat-syarikat pembalakan mengikut 'prestasi syarikat' bagi menggalakkan keluaran syarikat;
- Pemberian Lesen untuk Mengambil Hasil Hutan menggunakan kebenaran Form 1; dan
- Pembalakan semula di kawasan Hutan Simpan Pengeluaran, iaitu HS Bukit Ladan, HS Bukit Labi & HS Batu Apoi.

ii) Industri Hiliran & Nilai Tambah:


- Wabak Covid-19 yang melanda di seluruh dunia telah menjejaskan pasaran eksport produk-produk perkayuan hiliran; dan
- Peningkatan adalah mengambil kira '*Business as Usual*' dengan kenaikan 1.4%.

- Bagi tahun **2021 & 2022**, peningkatan nilai keluaran bagi kedua-dua industri tersebut disasarkan sebanyak **2.0%** setiap tahun:

- Dijangka masalah wabak Covid-19 dapat diselesaikan, keadaan pulih seperti asal.

I) INDUSTRI PEMROSESAN PRIMER

SASARAN DAN TRAJEKTORI NILAI KELUARAN INDUSTRI PEMROSESAN PRIMER, 2020-2022



NOTA:

- Peningkatan nilai keluaran adalah disasarkan sebanyak **2.0%** setahun:
 - Meneruskan pemberian kuota pembalakan kepada syarikat-syarikat pembalakan mengikut 'prestasi syarikat' bagi menggalakkan keluaran syarikat;
 - Pemberian Lesen untuk Mengambil Hasil Hutan menggunakan kebenaran Form 1; dan
 - Pembalakan semula di kawasan Hutan Simpan Pengeluaran, iaitu HS Bukit Ladan, HS Bukit Labi & HS Batu Apoi.

PELAN PERLAKSANAAN INDUSTRI PEMROSESAN PRIMER


Program	KPI	Sasaran		Isu	Inisiatif	Aktiviti Utama
		Sebenar 2019	Sasaran 2022			
Meningkatkan produktiviti keluaran industri primer	1. Nilai Keluaran	\$42.35 juta	\$44.94 juta	i) Sumber bekalan kayu yang terhad di kawasan Inter-Riverine Zone (IRZ)	Memastikan sumber bekalan kayu mencukupi dan berdayatahan	• Merebiu kaedah pemberian Lesen Form 1 (Lesen untuk Mengambil Hasil Hutan dengan kebenaran selama 1 tahun); • Merebiu dasar bagi pembalakan semula di kawasan Hutan Simpan Pengeluaran, iaitu Hutan Simpan Bukit Ladan, Hutan Simpan Bukit Labi & Hutan Simpan Batu Apoi; • Meneruskan perlaksanaan projek penubuhan ladang hutan; • Meneruskan projek penanaman mengaya; dan • Membuat kajian inventori sumber hutan negara (<i>National Forest Inventory</i>)
				ii) Sisa buangan kayu yang banyak: a) di kawasan pembalakan b) di kilang	a) Penggunaan sisa buangan kayu dari pembalakan dan dahan bagi penghasilan produk hiliran & nilai tambah perkayuan; b) Meningkatkan <i>recovery rate</i> daripada aktiviti perkilangan papan; dan c) Meningkatkan penggunaan sisa buangan kayu di kilang	• Merebiu dasar bagi membolehkan Syarikat Kilang Papan memanfaatkan sisa buangan kayu dari pembalakan seperti akar banir (<i>buttress root</i>) dan dahan; • Menggalakkan Syarikat Kilang Papan menggunakan teknologi moden seperti penggunaan mesin <i>horizontal bandsaw</i> (2 buah syarikat menggunakan pada masa ini). • Mendorong syarikat kilang papan menggunakan sisa perkilangan papan untuk • a) menghasilkan produk nilai tambah seperti Kayu Serpai (Wood Chips/ Wood Shaves) bagi kegunaan industri ternakan ayam dan horticulture; dan

PELAN PERLAKSANAAN INDUSTRI PEMROSESAN PRIMER

Program	KPI	Sasaran		Isu	Inisiatif	Aktiviti Utama
		Sebenar 2019	Sasaran 2022			
						b) dimanfaatkan kepada syarikat hiliran untuk menghasilkan produk nilai tambah seperti arang briket.
				iii) Pasaran tempatan yang terhad	Membantu meningkatkan pasaran tempatan	• Membantu dalam mengembangkan rangkaian (<i>networking</i>) dan <i>business matching</i> di kalangan syarikat kilang papan dengan syarikat hiliran berasaskan kayu; dan • Membantu syarikat-syarikat dalam mempromosikan produk-produk melalui laman sesawang Jabatan Perhutanan.

II) INDUSTRI HILIRAN DAN NILAI TAMBAH BERASASKAN KAYU

SASARAN DAN TRAJEKTORI NILAI KELUARAN INDUSTRI HILIRAN DAN NILAI TAMBAH BERASASKAN KAYU, 2020-2022



NOTA:

- Peningkatan nilai keluaran adalah disasarkan sebanyak **1.4%** pada tahun **2020**:
 - Wabak Covid-19 yang melanda di seluruh dunia telah menjejaskan eksport produk-produk perkayuan hiliran; dan
 - Peningkatan adalah mengambil kira '*Business as Usual*' iaitu kenaikan 1.4%.
- Bagi tahun **2021 & 2022**, peningkatan nilai keluaran disasarkan sebanyak **2.0%** setiap tahun:
 - Dijangkakan masalah wabak Covid-19 dapat dibendung dan keadaan kembali seperti biasa dan syarikat terus meningkatkan keluaran eksport;
 - Peningkatan keluaran kayu balak dan kayu gergaji (sumber bekalan kayu) membolehkan syarikat-syarikat meningkatkan keluaran produk-produk perkayuan hiliran.

PELAN PERLAKSANAAN INDUSTRI HILIRAN & NILAI TAMBAH BERASASKAN KAYU

Program	KPI	Sasaran		Isu	Inisiatif	Aktiviti Utama
		Sebenar 2019	Sasaran 2022			
Pertumbuhan Industri Hiliran dan Nilai Tambah Berasaskan Kayu	1. Nilai Keluaran	\$8.48 juta	\$8.95 juta	i) Isu bagi menembusi pasaran eksport	Mendapatkan pensijilan hutan	Mengeluarkan tawaran bagi syarikat untuk mendapatkan pensijilan hutan keatas kawasan yang telah dikenal pasti.
	2. Penglibatan Syarikat	15 buah syarikat	17 buah syarikat	ii) Kurang penglibatan syarikat-syarikat tempatan dalam Industri Hiliran Perkayuan	Menggalakkan syarikat-syarikat tempatan dalam penghasilan produk-produk hiliran perkayuan.	'Special Program' untuk pengusaha tempatan • <i>Site & Infra ready packaged</i> • <i>Pioneer status</i> • <i>Market matching</i>
				iii) Isu bagi pasaran produk berasaskan kayu (Perabot, pintu, briket arang dan sebagainya): • Akses pasaran tempatan • Isu dalam mendapatkan <i>compliance certificate</i> atau <i>test report</i> sepertimana yang diperlukan oleh ABCi bagi projek kerajaan.	Meningkatkan keluaran produk tempatan: • Meningkatkan penerimaan produk tempatan • Meningkatkan penjualannya di pasaran tempatan • Mengurangkan import • Menyelaras dengan pihak-pihak berkenaan (<i>certification bodies</i>) bagi memudahkan proses pensijilan.	Program mempromosi produk-produk perkayuan tempatan: • Melaksanakan program promosi seperti mengadakan Expo, pengiklanan melalui media cetak dan media sosial serta program kesedaran. • 'Market matching' • Mendapatkan sokongan daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan seperti Kementerian P embangunan dan Kementerian Pendidikan untuk mengutamakan penggunaan produk kayu tempatan dalam projek-projek Kerajaan, projek-projek GLC dan <i>megaprojects</i> sektor swasta seperti <i>hotels, apartments, resorts, housing, malls etc.</i>

PELAN PERLAKSANAAN INDUSTRI HILIRAN & NILAI TAMBAH BERASASKAN KAYU

Program	KPI	Sasaran		Isu	Inisiatif	Aktiviti Utama
		Sebenar 2019	Sasaran 2022			
						Usaha dalam mengurangkan produk import dan meningkatkan penghasilan produk: • Meningkatkan 'import duty' dengan sokongan MoFE (<i>Royal Customs and Excise Department</i>) • Menghadkan jumlah pengimportan produk perkayuan bagi mengutamakan produk perkayuan tempatan (seperti menetapkan kadar nisbah <i>local/import</i> bagi produk pintu pada kadar 70:30). • Menggalakkan syarikat - syarikat untuk meningkatkan penghasilan. • Membuat pemantauan yang kerap ke atas produk yang di import dari masa ke semasa. Penyediaan insentif bagi pengakreditasian syarikat/ <i>compliance certificate</i> - Untuk menampung beberapa peratus daripada jumlah bayaran kepada badan pensijilan untuk melaksanakan pengauditan (<i>one-off</i>). - Menggalakkan syarikat-syarikat untuk mendapatkan pensijilan akreditasi syarikat.

STRUKTUR ORGANISASI JABATAN PERHUTANAN

STRUKTUR ORGANISASI



SELESAI